Raja Perlis mahu rakyat perkasa perpaduan

» *Asas utama ke arah kekalkan negara berdaulat*

BH/18-5-13/9/1/1/1Ps-Perpaduan rakyat

Kangar

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail mahu rakyat memantapkan kembali ikatan perpaduan yang menjadi asas utama ke arah mengekalkan negara berdaulat.

Baginda bertitah, masa untuk bertelagah kerana perbezaan fahaman politik tidak perlu dipanjangkan kerana Pilihan Raya Umum ke-13 sudah berlalu.

"Kita haruslah bersatu, berkongsi kesusahan dan meraikan kesenangan yang membanggakan negara secara bersama.

"Pepatah Melalu yang menyebut 'Kuah sama dihirup, sambal sama dicolek' adalah relevan bagi menyatakan mengenai perpaduan rakyat di negara ini," titah baginda pada istiadat penganugerahan darjah dan pingat kebesaran sempena hari ulang tahun keputeraan baginda yang ke-70 di Istana Arau, semalam.

Turut berangkat Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Abdul Rashid; Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Tuanku Syed Sirajuddn turut berharap segala projek pembangunan yang dirancang di Perlis mencapai sasaran termasuk projek pelaburan seperti Taman Teknologi Pauh Putra, Taman Halal Perlis, depoh pelepasan darat serta pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang mempunyai impak ekonomi yang tinggi.

Selain itu, usaha kerajaan negeri menjadikan Perlis sebagai hab pendidikan perlu dipergiatkan termasuk menambah institusi pengajian tinggi seperti mewujudkan Kolej Universiti Islam Perlis dan Kolej RISDA, titah baginda.

Teknologi hijau

Baginda turut menekankan mengenai pentingnya kerajaan memberi fokus terhadap pembangunan projek teknologi hijau yang mesra alam termasuk penghasilan diesel menggunakan plastik terbuang dan pelaksanaan projek taman solar di bekas pusat pelupusan sampah Kuala Perlis.

Sementara itu Menteri Besar Perlis, Azlan Man dalam ucapan pada istiadat itu, berkata kerajaan negeri akan bersikap lebih mesra pelabur bagi menarik pelabur dalam dan luar negeri.

Beliau berkata, antara strategi diguna untuk memperkasakan sektor pelaburan ialah mewujudkan insentif pelaburan secara khusus terutama dalam subsektor berimpak tinggi seperti industri halal, teknologi hijau, pelancongan dan teknologi tinggi.

BERNAMA

Tuanku Syed Sirajuddin berkenan menganugerahkan Darjah Dato' Bergelar yang membawa gelaran ***Datuk Murshid Diraja kepada Mufti Perlis, Dr Juanda Jaya*** *(kanan) pada Majlis Istiadat Penganugerahan Darjah dan Pingat Sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan baginda yang ke-70 di Istana Arau, semalam.* [FOTO BERNAMA]